

**PEPERIKSAAN AKHIR / FINAL EXAMINATION**  
**SEMESTER II – SESI 2020/2021**

KOD KURSUS : ASY2213  
 COURSE CODE  
  
 NAMA KURSUS : USUL AL-FIQH  
 COURSE NAME : USUL AL-FIQH  
  
 TAHUN/PROGRAM : 1/ DIPLOMA SYARIAH &  
 DIPLOMA AL-QURAN DAN AS-SUNNAH  
  
 YEAR/PROGRAMME : 1/ DIPLOMA IN SYARIAH &  
 DIPLOMA IN AL-QURAN & AS-SUNNAH  
  
 TEMPOH : 2 JAM 30 MINIT  
 DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES  
  
 TARIKH : APRIL 2021  
 DATE

ARAHAN  
 INSTRUCTION

1. JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BAHAGIAN A.  
ANSWER ALL QUESTIONS IN PART A.
2. JAWAB HANYA **EMPAT (4)** SOALAN SAHAJA DALAM BAHAGIAN B. **SOALAN SATU ADALAH WAJIB.**  
ANSWER ONLY **FOUR (4)** QUESTIONS IN PART B. **QUESTION ONE IS COMPULSORY.**
3. TULIS JAWAPAN ANDA DI DALAM KERTAS JAWAPAN YANG DISEDIKAN.  
WRITE YOUR ANSWER IN THE GIVEN ANSWER SHEETS.
4. CALON DIKEHENDAKI MEMATUHI SEMUA ARAHAN PEPERIKSAAN.  
CANDIDATES ARE REQUIRED TO FOLLOW ALL EXAMINATION INSTRUCTIONS.

NO. K/P I/C NO.	
TAHUN/PROGRAM YEAR/PROGRAMME	
NAMA PENSYARAH LECTURER'S NAME	

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI 13 MUKA SURAT BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN  
 THIS EXAMINATION PAPER CONSISTS OF 13 PAGES INCLUDING THE FRONT PAGE

## القسم الأول

### الدرجة: 20

عين الصواب أو الخطأ من البيانات الآتية في الورقة الإجابة.

- 1- جواز عقد السلم مستند إلى الإستحسان بالعرف.
- 2- تخير المكلف بين الفعل أو الترك يعتبر من الإباحة .
- 3- التحريم و الندب والشرط من أنواع الحكم التكليفي .
- 4- دلالة السنة على الأحكام ظنية إذا لم تحمل تأويلاً آخر.
- 5- العرف المعتبر شرعاً هو الذي لا يتعارض مع الأدلة الشرعية.
- 6- الحكم عند الأصوليين هو الأثر التي تقتضيه نصوص الشرع.
- 7- لا تدخل في تعريف القرآن القراءات الشاذة التي صح سندها.
- 8- الشرط هو ما يلزم من وجوده عدم الحكم أو بطلان السبب.
- 9- الواجب المضيق هو الذي يكون وقت الواجب أكثر من وقت فعله.
- 10- يعتمد الحنفية في تقرير القواعد الأصولية على الإستدلال العقلي المجرد.
- 11- أصول الفقه تهتم بالقواعد التي تستخدم في استنباط الأحكام الفقهية.
- 12- اتفق الأصوليون على أن سد الذرائع من الأدلة المتفق في حجيتها.

- 13- إن العرف و الإستصحاب و السنة و القياس من الأدلة المختلف فيها.
- 14- الذريعة هي كل ما يتوصل به إلى الشيء الممنوع المشتمل على مفسدة أو مضرة.
- 15- السبب هو كل ما يتوصل به إلى الشيء الممنوع المشتمل على مفسدة و مضرة.
- 16- إن القياس ليس أصلا مستقلا بنفسه لأنه يحتاج إلى أصل وارد في الكتاب أو السنة.
- 17- من شروط حجية المصالح المرسله عند المالكية هو أن تكون المصلحة ملائمة لمقاصد الشارع.
- 18- السنة من حيث السند ثلاثة أقسام ، وهي السنة القولية و السنة الفعلية والسنة التقريرية.
- 19- الإجماع السكوتي هو أن يقول بعض المجتهدين في العصر الواحد قولاً في مسألة ويسكت الباقون بعد اطلاعهم على ذلك القول من غير انكار.
- 20- الإستصحاب هو الحكم بثبوت أمر أو نفيه في الزمان الحاضر أو المستقبل بناء على ثبوته أو عدمه في الزمان الماضي لعدم قيام الدليل على تغييره.

## القسم الثاني

الدرجة : 80

اجب عن أربعة فقط من الأسئلة الآتية على أن يكون الأول منها.

## السؤال الأول (20 درجات)

( أ ) عرف خمسة من المصطلحات الآتية :

( الواجب - الحرام - المندوب - الكراهة - القرآن - السنة - الإجماع - القياس )

(10 درجات)

( ب ) يعتبر علم أصول الفقه أساسا للإجتihad و استنباط الأحكام الشرعية. بيّن ما يلي :

1- تعريف اصطلاحيا لأصول الفقه

2- أول من دَوّن علم أصول الفقه

(4 درجات)

3- أول كتاب دُوّن في علم أصول الفقه

( ج ) يتبع العلماء الطرق المختلفة في تأليف علم أصول الفقه ، وهي طريقة المتكلمين و طريقة

الحنفية و طريقة المتأخرين. اذكر اثنين من الخصائص التي تختص بها طريقة المتكلمين ،و اثنين آخر تختص بها طريقة الحنفية في تأليف علم أصول الفقه مع اتيان كتاب واحد

(6 درجات)

لكل منها.

## السؤال الثاني (20 درجات)

- ( أ ) الحكم الشرعي قسمان ، الحكم التكليفي والحكم الوضعي . بيّن ثلاثة فروق بين الحكم التكليفي والحكم الوضعي . (6 درجات)
- ( ب ) ينقسم الواجب إلى باعتبار وقت أدائه إلى واجب مضيق و واجب مُوسَّع . اشرح كلاً منهما مع ذكر المثال . (4 درجات)
- ( ج ) بين الفرق بين الحرام لذاته والحرام لغيره مع المثال لكل منهما . (4 درجات)
- ( د ) عين أنواع الحكم التكليفي في ما يلي :
- 1- لبس الخاتم من الذهب للرجال
- 2- صيام ستة أيام من شوال
- 3- أكل الضبّ
- (6 درجات)

## السؤال الثالث : (20 درجات)

- ( أ ) وضح الفرق بين الركن و الشرط مع ذكر المثال لكل منهما . (4 درجات)
- ( ب ) بيّن أربعة من وجوه الرخصة . (4 درجات)
- ( ج ) عيّن نوع الحكم الوضعي من النصوص التالية :

1- قال الله سبحانه و تعالى : "والله على الناس حج البيت من استطاع إليه سبيلاً"

2- قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "ليس للقاتل ميراث."

3- قال تعالى " : يا أيها الذين آمنوا إذا قمتم إلى الصلاة فاغسلوا وجوهكم وأيديكم إلى المرافق."

4- قال تعالى " : وإذا ضربتم في الأرض فليس عليكم جناح أن تقصروا من الصلاة" ( 8 درجات )

( د ) هات مثالا واحدا لكل من الأحكام الوضعية الآتية.

1- السبب

( 4 درجات )

2- الرخصة

السؤال الرابع : ( 20 درجات )

( أ ) القرآن مصدر أول من مصادر التشريع الإسلامي .

( 6 درجات ) وضح ثلاثة من وجوه إعجاز القرآن مع ذكر المثال من الآيات القرآنية.

( ب ) بين وجه الاختلاف بين السنة المتواترة و السنة المشهورة. ( 4 درجات )

( ج ) تكلم عن ثلاثة من نسبة السنة إلى القرآن. ( 6 درجات )

( د ) ما حكم بيع السلاح للعدو وقت الفتن؟ وضح اجابتك بالتفصيل. ( 4 درجات )

السؤال الخامس : ( 20 درجات )

( أ ) وضح أنواع الإجماع مع بيان حجية لكل منها. ( 6 درجات )

- (ب) استخراج أركان القياس الأربعة في مسألة حرمة المخدرات. (4 درجات)
- (ج) هات ثلاثة من أنواع الإستحسان. (3 درجات)
- (د) بيّن شروط العمل بالعرف. (3 درجات)
- (هـ) ألزم الحكومة توثيق عقد الزواج بوثيقة رسمية. ما الدليل على هذا الأمر؟ (4 درجات)
- وضّح اجابتك بالتفصيل.

انتهت الأسئلة

**BAHAGIAN A (20 markah)**

**ARAHAN:** TENTUKAN **BETUL** ATAU **SALAH** BAGI PERNYATAAN BERIKUT DI DALAM KERTAS JAWAPAN.

1. Kecharusan akad jualbeli salam bersandar kepada dalil istihsan dengan uruf.
2. Pilihan bagi seseorang mukallaf sama ada melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan dikira sebagai harus.
3. Haram, sunat dan syarat merupakan jenis-jenis hukum taklifi.
4. Hadith menunjukkan kepada hukum secara *zonniah* sekiranya tiada kebarangkalian andaian lain.
5. 'Uruf yang diambilkira oleh syara' ialah 'uruf yang tidak bercanggah dengan dalil syara'.
6. Hukum mengikut pandangan ulama' usul fiqh ialah kesan yang dituntut oleh nas syara'.
7. *Qiraat syaz* yang sah sanadnya tidak termasuk di dalam definisi Al-Quran.
8. Syarat ialah sesuatu yang apabila ia wujud, maka hukum itu tiada atau terbatalnya sebab.
9. *Wajib mudhayyaq* ialah kewajipan yang waktu diwajibkan melakukannya lebih banyak berbanding waktu melaksanakannya.
10. Ulamak mazhab Hanafi menetapkan kaedah usul fiqh berdasarkan pendalilan akal semata-mata.
11. Usul Fiqh mengambil berat tentang kaedah yang digunakan dalam mengistinbatkan hukum fikah.
12. Para ulama' usul fiqh bersepakat bahawa *sadd al-zaraie'* merupakan dalil yang disepakati kejujahannya.



13. *'Uruf, istishab, sunnah dan qias* merupakan dalil yang tidak disepakati.
14. *Al-Zari'ah* ialah sesuatu yang menyampaikan kepada sesuatu yang dilarang merangkumi keburukan atau kemudharatan.
15. Sebab ialah sesuatu yang menyampaikan kepada sesuatu yang dilarang merangkumi keburukan atau kemudharatan.
16. *Qiyas* bukan dalil yang tersendiri kerana ia perlu bersandar kepada dalil daripada Al-Quran atau As-Sunnah.
17. Antara syarat kehujahan *Masolih Mursalah* mengikut mazhab Maliki ialah *masalah* mestilah selari dengan objektif syariat.
18. Pembahagian sunnah dari sudut sanad terbahagi kepada tiga bahagian : *Sunnah Qauliyyah, Sunnah Fi'liyyah* dan *Sunnah Taqririyyah*.
19. *Ijma' sukuti* ialah sebahagian ulama' mujtahid pada suatu zaman memberikan pandangan dalam sesuatu masalah, sedangkan para ulama' lain diam tidak menyanggahnya selepas mengetahui pandangan tersebut.
20. *Istishab* ialah menghukumkan tetapnya sesuatu perkara atau menafikannya pada masa hadapan berdasarkan tetap ataupun tidak hukum itu pada masa lalu kerana tiada dalil terhadap perubahannya.

**BAHAGIAN B (80 MARKAH)**

ARAHAN: JAWAB **EMPAT** SOALAN SAHAJA DARIPADA SOALAN-SOALAN BERIKUT.

**SOALAN SATU ADALAH WAJIB.**

**SOALAN SATU (20 markah)**

- a. Definisikan lima daripada istilah-istilah berikut dari sudut syara':  
(Wajib – Haram – *Mandub* – Makruh – Al-Quran – As-Sunnah – Ijma' – Qiyas) (10 markah)
- b. Usul Fiqh merupakan asas ijihad dan *istinbat* hukum syara'.  
Jelaskan perkara berikut:
- i. Ta'rif Usul Fiqh dari sudut istilah
  - ii. Orang pertama menyusun ilmu Usul Fiqh
  - iii. Buku pertama ditulis di dalam Ilmu Usul Fiqh (4 markah)
- c. Ulama' menggunakan teknik yang pelbagai dalam menulis ilmu Usul Fiqh; iaitu Teknik *Mutakallimin*, Teknik *Hanafiah* dan Teknik *Muta'akhhirin*.  
Sebutkan dua ciri khusus bagi Teknik *Mutakallimin* dan dua ciri khusus Teknik *Hanafiah* dalam menulis ilmu Usul Fiqh, dengan membawakan sebuah kitab bagi setiap teknik penulisan. (6 markah)

**SOALAN DUA (20 Markah)**

- a. Hukum syara' terbahagi kepada 2 bahagian; *hukum taklifi* dan *hukum wadh'ie*.  
Jelaskan tiga perbezaan antara *hukum taklifi* dan *hukum wadh'ie*. (6 markah)
- b. Wajib (dari sudut waktu pelaksanaannya) terbahagi kepada *wajib mudhayaq* dan *wajib muwassa'*. Huraikan kedua-dua kategori tersebut dengan menyebutkan satu contoh bagi setiap satu kategori. (4 markah)

- c. Jelaskan perbezaan antara *haram lizatih* dan *haram lighairih* dengan mendatangkan contoh bagi setiap satu. (4 markah)
- d. Tentukan jenis hukum taklifi bagi keadaan berikut :
- i. Lelaki memakai cincin emas
  - ii. Puasa 6 hari di Bulan Syawal
  - iii. Makan *dhob* (6 markah)

**SOALAN TIGA (20 markah)**

- a. Huraikan perbezaan antara rukun dan syarat dengan menyebutkan contoh bagi setiap satu. (4 markah)
- b. Jelaskan empat bentuk *rukhsah*. (4 markah)
- c. Jelaskan jenis *hukum wad'ie* dalam nas berikut :
- i. Firman Allah s.w.t.: "Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya."
  - ii. Sabda Rasulullah s.a.w. : "Pembunuh tidak berhak mewarisi pusaka."
  - iii. Firman Allah s.w.t. : "Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku."
  - iv. Firman Allah s.w.t : "Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang

jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. (8 markah)

d. Berikan satu contoh bagi *hukum wad'ie* berikut :

i. Sebab

ii. *Rukhsah* (4 markah)

#### SOALAN EMPAT(20 Markah)

a. Al-Quran merupakan sumber utama dalam perundangan Islam.

Huraikan tiga bentuk kemukjizatan Al-Quran dengan membawa contoh ayat Al-Quran. (6 markah)

b. Jelaskan perbezaan antara hadith *mutawatir* dan hadith *masyhur*. (4 markah)

c. Bincangkan tiga hubungan antara Al-Sunnah dengan Al-Quran. (6 markah)

d. Apakah hukum menjual senjata kepada musuh pada waktu peperangan.  
Huraikan jawapan anda dengan terperinci. (4 markah)

#### SOALAN LIMA (20 Markah)

a. Terangkan jenis-jenis *ijma'* dengan menyatakan kehujahan bagi setiap satu. (6 markah)

b. Keluarkan rukun qias daripada masalah pengharaman dadah. (4 markah)

c. Nyatakan tiga jenis *istihsan*. (3 markah)

- d. Terangkan syarat-syarat beramal dengan 'uruf. (3 markah)
- e. Kerajaan mewajibkan pengesahan perkahwinan melalui dokumen rasmi (sijil nikah). Apakah dalil bagi perkara ini? Jelaskan jawapan anda secara terperinci. (4 markah)

SOALAN TAMAT  
*[END OF QUESTION]*